

25/04/1998

Kembangkan potensi produk francais: PM (HL)

Shamshul Azree Samshir

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu lebih banyak makanan tempatan dijual melalui skim francais sama seperti makanan Barat yang cukup popular dalam rangkaian perniagaan francais sekarang.

Perdana Menteri berkata, pengusaha makanan tempatan sepatutnya mengambil kesempatan memasarkan juadah tempatan sebagai produk francais yang terbukti mampu membawa keuntungan lumayan kepada peniaga.

"Sekarang kita biasa dengan pizza, McDonald's, burger dan Kentucky Fried Chicken ... ini semua bukan makanan kita.

"Tapi orang yang tidak makan keju sekarang nampaknya begitu seronok menikmati keju kerana pendekatan, promosi dan jenama yang terkenal (melalui skim francais) menyebabkan orang yang tidak makan keju mula menggemari makanan itu," katanya ketika berucap pada Majlis Makan Malam Perdana dan Anugerah Kecemerlangan Francais 1997 yang dianjurkan Persatuan Francais Malaysia (MFA) di sini, malam ini.

Turut hadir pada majlis itu, Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed dan Pengerusi MFA, Datuk Adzmi Abdul Wahab.

Dr Mahathir berkata, antara makanan tempatan yang boleh dijadikan produk francais ialah nasi lemak, sate, nasi minyak dan nasi beriani yang amat digemari rakyat Malaysia.

"Mereka yang pandai memasak (juadah tempatan) sepatutnya mengembangkan perniagaan mereka dengan menjadikan masakan tempatan sebagai produk francais," katanya.

Perdana Menteri berkata, masih banyak lagi jenis perniagaan di negara ini boleh difrancaiskan, malah peniaga yang sudah terbabit dalam kegiatan itu perlu mengembangkan perniagaan mereka.

"Bidang perniagaan francais di negara ini mempunyai potensi. Sehubungan itu, lebih ramai peniaga terutama Bumiputera boleh menyertai bidang perniagaan ini dengan harapan mereka boleh berjaya," katanya.

Beliau berkata, banyak faedah boleh diperolehi daripada skim francais malah kerajaan berpendapat skim berkenaan amat sesuai bagi peniaga Bumiputera untuk berjaya dalam perniagaan.

"Risiko (kerugian) perniagaan francais adalah kurang. Sama ada sesuatu produk yang dijual itu akan laris atau sebaliknya tidak begitu susah ditentukan kerana barangan yang dijual sudahpun terkenal.

"Selain itu, kemungkinan untuk sesuatu perniagaan francais itu gagal amat tipis sebaliknya untuk berjaya amat besar. Ini kerana produk itu sudah terkenal malah bentuk kedai dan cara melayan pelanggan juga disediakan," katanya.

Dr Mahathir berkata, sistem francais juga memastikan peniaga mematuhi standard perniagaan, kualiti dan kebersihan sentiasa terjamin.

"McDonald's misalnya, mereka memastikan daging yang digunakan adalah yang terbaik dan kebersihan juga diutamakan.

"Di Universiti McDonald's misalnya, mereka diajar mencuci sendiri kekotoran sebelum sesuatu francais itu diluluskan kerana kebersihan itu akan menjamin jualan laris," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, peniaga yang mahu membabitkan diri dalam kegiatan francais masih perlu menyediakan sedikit modal bagi menguatkan komitmen menyertai kegiatan itu.

Sementara itu, di majlis berkenaan, Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON) diumumkan sebagai Francaisor Terbaik 1997. Pengerusi Eksekutif DRB-Hicom, Datuk Wira Salleh Sulong menerima hadiah kemenangan itu dari Dr

Mahathir.

Turut diumumkan pemenang kategori Francaisor Harapan (Nelson KTT Product Sdn Bhd), Francaisor Tempatan Terbaik (EON Franchise Service Dealer) dan Francaisor Tempatan Antarabangsa (Langkawi Crystal Sdn Bhd).

(END)